

1. AWAS ! QADIANI TERKELUAR DARI ISLAM

Ringkasan Buku :

Ajaran Qadiani adalah suatu ajaran yang diasaskan di India oleh Mirza Ghulam Ahmad Qadiani pada tahun 1889. Pengaruh ajaran ini tersebar hampir ke seluruh dunia hingga sekarang. Walaupun ajaran ini tidak pernah diiktiraf oleh Islam, namun mubaligh-mubalighnya berterusan menggunakan nama Islam dalam usaha penyebaran ajaran ini.

Tanpa asas pengetahuan agama, orang ramai mudah terkeliru dengan dakwaan-dakwaan palsu mereka yang menyesatkan. Di negara kita, beberapa fatwa telah dikeluarkan oleh pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri. Kesimpulan daripada fatwa-fatwa ini ialah ajaran ini bukan daripada ajaran Islam sebenar dan penganut ajarannya adalah murtad.

Oleh itu adalah penting bagi umat Islam mengambil ingatan dan berwaspada daripada tipu daya mereka dengan mengetahui unsur-unsur penyelewengan yang dibawa oleh ajaran ini seperti yang didedahkan oleh buku ini.

Penerbitan :

Buku ini diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2005.

2. POLEMIC PINDAAN AKTA MAHKAMAH SYARIAH

Ringkasan Buku :

Semenjak Usul Persendirian bagi mencadangkan Rang Undang-undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 Akta 355 yang dibentangkan pada 26 Mei 2016, oleh Ahli Parlimen Marang di Dewan Rakyat, rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang, merentasi kaum, agama dan ideology telah memberi komentar dalam isu ini. Polemik mengenai usul ini telah didendangkan dengan pelbagai rentak dan irama dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. Reaksi terhadap isu ini juga disambut dengan pelbagai tanggapan dan tafsiran oleh masyarakat bukan Islam. Sebagai seorang Islam, cadangan ini sudah tentunya mendapat restu dan disambut dengan penuh rahmat demi melihat undang-undang Islam diperkasakan di sebuah negara yang agama rasmi Persekutuannya adalah Islam. Tetapi juga ada yang bersikap skeptikal dengan RUU tersebut dan menolaknya dengan pelbagai alasan, antaranya bertentangan dengan perlembagaan, bukan suatu keutamaan, bertentangan dengan Maqasid al-Syariah, bahkan juga disebut sebagai untuk kepentingan survival politik individu dan parti tertentu.

Buku ini dihasilkan bagi membantu masyarakat Islam diluar sana dapat memahami isu ini dengan setuntas-tuntasnya.

Penerbitan :

Buku ini ditulis oleh Prof Madya Dr. Shamrahayu bt. Ab. Aziz, Pensyarah di Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan Panel Pemikir, Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Buku ini diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2016.

3. IRSYAD AL-FATAWA

Ringkasan Buku ;

Irsyad Al-Fatawa adalah satu-satunya fatwa kontemporari terkini dalam konteks Malaysia yang ditulis dan dihimpunkan oleh S.S. Datuk Dr. Zilkifli Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan. Ianya pertama di Malaysia, belum pernah ada mana-mana mufti daripada mana-mana negeri di Malaysia yang mempunyai himpunan fatwa sebesar ini.

Tanpa terikat pada silibus yang ada pada buku-buku adagama, S.S. Datuk Dr. Zilkifli Mohamad al-Bakri menjawab persoalan semasa yang mencabar praktik ajaran Islam dalam dunia moden masa kini.

Buku ini mengandungi tujuh jilid . Antara bab yang terkandung di dalam Jilid 1 buku *Irsyad Al-Fatawa*, adalah seperti berikut:

Akidah	Perkahwinan
Agama dan Ideologi	Tasawuf
Kebersihat dan Solat	Tafsir
Zakat	Hadis dan Ilmunya
Puasa	Sirah dan Sejarah
Haji dan Qurban	Usul Fiqh dan Kaedah
Fihiyyah	
Muamalat	Isu Fiqh Semasa

Didalam jilid 2 - 7 juga turut memuatkan bab yang sama sebagaimana bab 1 buku ini.

Penerbitan :

Buku ini diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 2017.

4. MANHAJ AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Ringkasan Buku :

Berdasarkan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MK) yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak. Bertepatan dengan itu, masyarakat Islam di Malaysia disarankan untuk mengenali siapa ASWJ agar tidak keliru terhadap golongan-golongan yang memperaku bahawa mereka adalah ASWJ. Namun hakikatnya mereka adalah golongan yang terpesong khususnya dalam akidah. Pada hari ini, banyak kumpulan fahaman yang menggunakan topeng ASWJ bagi menyeleweng dan mengelirukan akidah umat Islam. Umat Islam disarankan agar lebih berhati-hati dengan bersikap tabayyun sebelum mengikut membuta tuli. Sewajarnya, buku ini dijadikan rujukan dan panduan agar umat Islam tidak tertipu.

Penerbitan :

Buku ini diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2016.

5. MATLA' AL-BADRAIN WA MAJMA' AL-BAHRAIN

Ringkasan Buku :

Kitab Matla' al-Badrain Wa Majma' al-Bahrain merupakan kitab fiqh yang terkenal di Tanah Melayu. Kitab yang dikarang oleh ulama Fatani terkenal, Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani walaupun sudah menjangkau lebih dari 130 tahun, namun isi kandungannya tetap relevan untuk dijadikan rujukan utama.

Kitab ini telah diterbitkan oleh banyak pihak dalam usaha untuk menjadi bahan rujukan muktabar bidang fiqh dalam Bahasa Melayu. Naskhah yang telah disusun oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan ini adalah naskhah yang dikemaskini dalam versi baharu dan moden, menjadikan ia sebagai bahan bacaan yang lebih mesra pembaca dengan penggunaan Bahasa dan ayat yang mudah difahami.

Kitab ini disusun dalam tiga jilid. Mengambil contoh, bab-bab yang terkandung dalam jilid satu ialah :

Taharah (Bersuci)

Solat

Jenazah (Dan Hukum Berpakaian)

Zakat

Puasa

Iktikaf

Haji dan Umrah

Korban (Termasuk Akikah)

Penerbitan :

Kitab ini diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Karya Bestari (Group Buku Karangraf) pada tahun 2017.